

# Keperluan Mengenali dan Menghayati Nilai-nilai Islam Sejagat

Azhar Ibrahim Alwee  
Institut Pendidikan Nasional

Kesedaran terhadap menempatkan nilai-nilai Islam dari segi universal dan partikularnya harus akan berhasil sekiranya kita sudah dimasyarakatkan melihat fenomena sosial dari sudut sosiologi dan konteks kesejarahannya.

Sekadar melihat agama sebagai perintah menunaikan ibadah-ibadah ritual adalah menyempitkan makna agama itu sendiri. Kesyumulan agama itu harus bertolak daripada kesyumulan kehidupan itu sendiri.

Tambahan, kesyumulan ini hanya dapat kita fahami kiranya kita sedar apakah yang telah dituntut dan dilaksanakan dalam tradisi keagamaan Islam sepanjang sejarah.

Sekadar disebutkan, berikut antara nilai-nilai yang dianjurkan dalam Islam, betapapun ia masih berada dalam tingkat idealisme:

- (1) Islam mengiktiraf martabat manusia sebagai makhluk ciptaan Tuhan dan setiap manusia itu tiada beza di sisi Tuhan kecuali mereka dibezakan berdasarkan takwa mereka kepadaNya.
- (2) Penghormatan kepada kemampuan akal sebagai upaya manusia mengatur kehidupan dan memecahkan masalah kehidupan ini. Akal itu sesungguhnya anugerah Tuhan paling termulia kepada manusia dan mereka diamanahkan menggunakan akal untuk memanusiaikan kehidupan ini.

- (3) Usaha mencari, menambah dan menyebarkan ilmu untuk kesejahteraan manusia sejagat adalah dituntut kerana buah-buah ilmu itu untuk membebaskan manusia dari kebatilan dan kejahilan.
- (4) Menghormati dan akur kepada nilai-nilai absolut yang menjadi landasan dalam agama dan etika kemanusiaan yang universal di mana tiada seorangpun yang terlepas dari tuntutan ini.
- (5) Menghormati nyawa manusia dan segala kehidupan dalam dunia ini tanpa ada seorangpun yang boleh sesuka hati memperlakukannya dan menghapuskan manusia yang lain.
- (6) Memastikan keutuhan undang-undang yang berdasarkan nilai-nilai sejagat tadi, tanpa ada kuasa arbitrari yang berwenang ataupun memaksakan hukum kepada mereka yang lemah atau yang tidak merelakan, serta tiada siapa pula yang berada di atas undang-undang itu.
- (7) Ini bererti kita tegas dalam menegakkan keadilan untuk semua, khasnya apabila yang lemah dipinggir dan ditindas serta haknya diceroboh. Pemihakan kepada mereka yang memerlukan keadilan amat dituntut.
- (8) Mengakui kesamarataan manusia tanpa ada perbezaan antara jender, ras, kelas, darjat, keturunan serta memberikan dan mengiktiraf hak mereka masing-masing. Menghormati waktu dan akur pada jadual dan amanah kerja adalah sebahagian daripada asas etika dalam hubungan sesama manusia.
- (9) Menghargai ikhtiar dan kerja manusia sebagai usaha mencari kesempurnaan kehidupannya, dan haknya untuk mendapat sara hidup dan menerima pendidikan asas.

(10) Mengiktiraf hak setiap seorang untuk mendapat keselesaan tempat berteduh, tanpa ada pencerobohan tempat dan hak, mahupun dieksploitasi kehidupan ekonominya.

(11) Menghormati hak dan kebebasan manusia untuk menyakini dan menjalankan kepercayaannya dan kebudayaannya masing-masing kerana tiada pemaksaan dalam agama itu sendiri. Menghormati perbezaan dari segi keyakinan fikah juga dituntut demi menjamin keharmonian hubungan sesama agama.

(12) Mengiktiraf dan menghormati kepelbagaian dan kerencaman umat (pluralisme) manusia dan kebudayaannya, tanpa kita taksud akan keterpilihan dan keimanan kita sebagai umat terpilih atau paling sempurna.

(13) Menghargai dan menyayangi anak-anak kecil, khasnya mereka yang tiada dapat kasih sayang seperti anak-anak yatim dan orang-orang tua yang terbiar atau golongan kurang upaya.

(14) Menghargai lingkungan yang kita hidup dan insaf bahawa anugerah sumber air, udara, bumi dan lautan serta pepohon dan haiwan yang mendiaminya adalah makhluk Tuhan dan kita sebagai khalifah Allah di bumi diberikan amanah untuk menjaga kesejahteraan dan keseimbangan alam ini.

Sesungguhnya membicarakan nilai-nilai Islam yang universal, harus selalu diajarkan secara konsisten dan berterusan. Tetapi ianya tidak boleh dibicarakan dalam kekosongan, tanpa mengaitkan konteks dan permasalahan semasa.

Sebenarnya menjelaskan deretan nilai-nilai universal Islam itu mudah untuk dilakukan tetapi lafaz secara normatif hanya akan berhasil sekiranya kita memikirkan bagaimana (a) menterjemahkan nilai-nilai pada tingkat yang lebih konkrit ataupun secara institusional, dan (b) saling mencermati mengapakah nilai-nilai itu tidak dapat mengembang dan dipraktik, iaitu menyedari akan rintangan dan hambatan kepada keberlangsungan nilai-nilai tadi.

Dalam hal ini, pedagogi pendidikan Islam harus mengambil kira untuk memperkukuh nilai-nilai ini dalam pembelajaran. Perancangan kurikulum pendidikan agama harus memperkirakan keperluan ini dan bukan setakat mengajar perihal ritual agama dan dasar akidah sahaja.

Sebagaimana kita meletak harapan bahawa nilai-nilai agama yang universal dapat menyemai sikap kemanusiaan, kita juga harus turut berwaspada apabila sentimen agama digunakan untuk menumbuhkan bibit prejudis, baik secara sedar mahupun tidak.

Kalau kita mengakui Islam itu sebagai rahmatan alamin, begitupunlah diperlukan kita untuk membangun sistem agama, dengan nilai dan kedalaman kerohanian yang ampuh selain kepedulian kepada kemanusiaan sebagai lanjutan untuk berbuat kebaktian kepada Tuhan.

Inilah tugas mengenali dan menghayati nilai-nilai universal Islam yang menjamin kepentingan kemanusiaan sejagat, membebaskan manusia dari kejahilan, kezaliman dan keangkuhannya menghalalkan ketidakmanusiaan.

\*\*\*\*\*